

Headline	UniKL tetap waspada ancaman TNB		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	15 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	61
ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,829		



# UniKL tetap waspada ancaman TNB

**PASUKAN** Universiti Kuala Lumpur (UniKL) tetap waspada dengan ancaman skuad Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada pertemuan divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHC)-TNB 2017 di Stadium Hoki Kuala Lumpur hari ini.



UniKL dilihat memperoleh keyakinan tinggi selepas membelasah Sekolah Sukan Tunku Mahkota (SSTMI) 5-0 pada aksi pertama sebelum ini, manakala pasukan TNB membenam TNB Thunderbolts 6-1.

Kemenangan besar itu bagaimanapun tidak meletakkan ketua jurulatih UniKL, Arul Selvaraj berada dalam situasi selesa, sebaliknya beliau menggesa barisan pemainnya untuk kekal fokus pada perlawanan

menentang TNB nanti.

"TNB adalah sebuah pasukan yang hebat dan dibarisi ramai pemain muda. Ini menyebabkan semangat barisan pemain mereka sangat tinggi dan tidak pernah mengenal erti putus asa sehingga ke penghujung perlawanan.

"Mereka juga pastinya meletakkan sandaran tinggi kepada penjaga gol berpengalaman, S. Kumar selain pakar pukulan sudut penalti, Shahril Saabah.

"Kehadiran Faiz Helmi Jali pada musim ini juga memberi impak yang besar kepada



ARUL

pasukan TNB. Kami tidak boleh memberi sebarang ruang kepada lawan untuk melakukan serangan balas," kata Arul semalam.

Tambahnya lagi, kehadiran Marhan Jalil ke dalam pasukan UniKL juga banyak memberi impak besar kepada mereka.

"Marhan adalah seorang pemain berkaliber dan mampu menjadi pemimpin di atas padang. Sebab itu, kami mengambil keputusan untuk mengikat kontraknya selama tiga tahun dengan UniKL.

"Saya sudah nampak kredibilitinya pada perlawanan pertama dan harap dia dapat meneruskan aksi terbaik pada perlawanan seterusnya," katanya.

## LIGA HOKI MALAYSIA 2017

### JADUAL PERLAWANAN

#### DIVISYEN PREMIER

#### HARI INI

THT Iwn UITM-KPT  
(Std. Hoki Batu Buruk, Terengganu - 5 ptg)

UNIKL Iwn TNB  
(Std. Hoki Kuala Lumpur - 6 ptg)

MAYBANK Iwn SSTMI  
(Std. Hoki MBMB, Melaka - 6 ptg)

KLHC Iwn TNB THUNDERBOLTS  
(Std. Hoki Kuala Lumpur - 8 mim)